

Kerajaan Pulau Pinang Didakwa Putar Belit Fakta Penjualan Tanah Di Taman Manggis
Bername
24 Julai, 2012

GEORGE TOWN, 24 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang hari ini mendakwa kerajaan negeri telah memutar-belit fakta dan menipu rakyat berhubung penjualan tanah di Taman Manggis di Jalan Zainal Abidin di sini kepada sebuah syarikat swasta bagi pembinaan hospital swasta.

Pengerusi BN negeri Teng Chang Yeow mendakwa kerajaan negeri pimpinan DAP itu didapati mereka cerita untuk menyembunyikan fakta sebenar dengan mengatakan permohonan lesen untuk pembinaan hospital swasta itu telah ditolak oleh Kementerian Kesihatan pada 22 Okt 2010.

Bagaimanapun, beliau berkata rekod yang diperoleh daripada One Stop Centre (OSC) menunjukkan syarikat swasta, Kuala Lumpur International Dental Corporation Sdn Bhd, telah mengemukakan pelan perancangan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada 23 Dis, 2011.

"Tidak masuk akal kalau pemaju masih mahu mengemukakan pelan perancangan jika permohonan lesen mereka ditolak satu tahun lebih awal daripada tarikh mereka mengemukakan permohonan merancang.

"Kenapa kerajaan negeri apabila isu ini pertama kali dibangkitkan tidak mendedahkan bahawa permohonan lesen daripada Kementerian Kesihatan telah ditolak pada 22 Okt 2010? Jika kita tidak mendedahkan perkara ini, masyarakat umum masih lagi berada dalam kegelapan," katanya pada sidang media.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682741>

